

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

'Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

SAP400 - Seminar Teori Sosial

Tarikh: 5 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan PERTAMA mesti dijawab. Pilih DUA soalan lain.

SOALAN WAJIB

1. Jelaskan sumbangan Marx, Durkheim dan Weber terhadap teori sosiologi/antropologi dari segi perkaedahan, kaedah penyelidikan dan konsep-konsep asas.

Nyatakan perbedaan dan kesamaan dalam teori-teori mereka mengenai krisis masyarakat perindustrian atau masyarakat kapitalis.

Sejauh manakah sumbangan mereka berguna untuk memahami masyarakat Dunia Ketiga terutama dari segi analisis kelas.

(40 markah)

SOALAN-SOALAN PILIHAN

2. Analisis kelas sudah lama mendapat tempat dalam kajian mengenai masyarakat Malaysia. Huraikan sedikit sejarah perkembangan perkaedahan ini.

Selepas itu beri hujah utama tentang kelemahan dan kekuatan kajian S. Hussin Ali, Shamsul Amri, Jomo Sundaram dan James C. Scott.

Apakah hubungan analisis kelas dengan kajian pembangunan.

(30 markah)

(SAP 400)

3. Nyatakan perbedaan di antara "Marxist Sociology" dan "Marxism" mengikut pendapat Bottomore. Lepas itu huraikan prinsip-prinsip utama dalam teori Marx.

Sejauh manakah sumbangan Neo-Marxism boleh menolong menganalisis masyarakat Dunia Ketiga dengan berpandukan sekurang-kurangnya dua tokoh utama dari Dunia Ketiga yang anda pilih.

(30 markah)

4. Ada ahli-ahli sosiologi yang mengatakan bahawa tulisan-tulisan Max Weber dihantui oleh Marx. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ini dengan memberi contoh-contoh yang konkret.

Di mana letaknya pengaruh Weber terhadap sosiologi di Amerika dan sosiologi/antropologi di Malaysia. Apakah kelemahan-kelemahannya dalam konteks analisis kelas.

Beri contoh seorang sosiologi yang boleh dianggap 'Weberian' dan jelaskan sumbangan beliau.

(30 markah)

5. Apakah perkaedahan dan kaedah penyelidikan Durkheim yang berupaya mempengaruhi teori-teori strukturil-funksionel dalam sosiologi dan antropologi.

Huraikan sumbangan Durkheim terhadap pemahaman masyarakat Dunia Ketiga dan di mana letaknya kegagalan beliau.

Mengapa fenomena 'agama' menjadi minat Durkheim.

(30 markah)

6. Jelaskan apa yang dimaksud dengan proses 'penteorian'. Huraikan hubungannya dengan penyelidikan.

Berpandukan satu sumbangan (buku) dari seorang tokoh sosiologi/antropologi terangkan dengan melakukan 'explication de texture' ke atas kenyataan di atas.

Sejauh manakah ideologi boleh mempengaruhi teori.

(30 markah)